

05/08/2003

Mesyuarat perketat peraturan cerai Jumaat

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Mesyuarat pertama membabitkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dengan beberapa agensi berkaitan bagi melihat kemungkinan mengenakan hukuman penjara mandatori sebagai langkah mengetatkan peraturan perceraian di luar mahkamah akan diadakan Jumaat ini.

Mesyuarat membincangkan isu perceraian melalui sistem pesanan ringkas (SMS) itu akan turut menemukan Jakim dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dengan semua jabatan agama negeri, pakar perundangan dan wakil Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Ketua Pengarah Jakim, Datuk Mohamad Shahir Abdullah, berkata mesyuarat juga akan meneliti cadangan lain, termasuk meningkatkan denda mereka bersalah bercerai di luar mahkamah.

"Kita perlu adakan pertemuan awal dengan penasihat undang-undang di semua negeri untuk mengkaji secara terperinci peruntukan dalam Undang-undang Keluarga Islam.

"Pindaan ini pasti mengambil masa lama, tetapi perlu dilakukan supaya kemudahan SMS tidak disalahgunakan oleh umat Islam untuk tujuan perceraian," katanya semalam.

Ketua Pengarah JKSM, Datuk Sheikh Ghazali Abdul Rahman, dilaporkan berkata cadangan itu dibuat berikutan hukuman sedia ada gagal membendung masalah perceraian melalui SMS.

Minggu lalu Kabinet memutuskan perceraian pasangan Islam menerusi SMS tidak sepatutnya dilakukan atau dibenarkan menjadi budaya di negara ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Jakim dan JKSM mengkaji sama ada enakmen baru dalam Undang-Undang Keluarga Islam diperlukan bagi memastikan penggunaan SMS, emel dan faks tidak disalahgunakan untuk perceraian.

Shahir berkata, Jakim akan memberi penjelasan kepada orang ramai mengenai kaedah perceraian yang dibenarkan di negara ini sehingga satu enakmen baru diputuskan.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Festival Nasyid Kebangsaan ke-14 akan diadakan pada 9 Ogos ini di Dewan Muktamar Pusat Islam Malaysia.

Festival bertemakan 'Bersama Hayati Keindahan Islam' akan dirasmikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin.

Satu seminar mengenai nasyid akan diadakan sempena festival, bertujuan memberi kesedaran kepada orang ramai fungsi nasyid dalam mengembangkan dakwah Islam.

Pertandingan nasyid itu akan dibahagikan kepada dua kategori iaitu nasyid tradisi dan moden. Sebanyak 16 kumpulan nasyid menyertainya tahun ini.

Johan kedua-dua kategori akan menerima wang tunai RM5,000, piala iringan, cenderahati dan sijil. Beberapa hadiah iringan turut disediakan bagi persembahan terbaik, penulis lirik terbaik dan pencipta lagu terbaik.